

MASALAH
GUNA TENAGA GENERASI KEDUA FELDA
DI SUNGAI KLAH

Oleh
ABDUL RAHMAN BIN DIN

Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi Keperluan
Ijazah Sarjana Muda Dalam Bidang
Geografi

Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
1982

ABSTRAK

Rancangan Tanah Persekutuan (FELDA) yang ditubuhkan dengan tujuan meningkatkan taraf sosio-ekonomi peneroka telah berjaya berbuat demikian berdasarkan kepada hasil pertanian yang telah dikeluarkan. Begitu juga rancangan tanaman getah FELDA Sungai Klah yang dibuka pada tahun 1962 dengan peneroka seramai 366 orang.

Perkembangan sosio-ekonomi peneroka membawa kepada peningkatan beberapa aspek sosio-ekonomi generasi kedua (anak-anak peneroka), terutama dalam pendidikan dan latihan. Peluang-peluang untuk mengikuti latihan separuh mahir lebih terbuka. Selain daripada itu generasi kedua juga dapat menyertai pertubuhan sosial dengan lebih giat lagi dengan adanya kemudahan-kemudahan sosial yang disediakan di rancangan.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa taraf hidup keluarga peneroka pada keseluruhannya bertambah baik. Walaupun demikian dari kajian yang dijalankan didapati kadar peluang pekerjaan di rancangan tidak seimbang dengan bilangan generasi kedua di rancangan. Jenis-jenis pekerjaan di rancangan FELDA juga tidak selaras dengan kehendak golongan ini kerana taraf pelajaran generasi kedua telah meningkat. Dengan itu berlakulah perpindahan generasi kedua dari rancangan FELDA ke bandar-bandar untuk mendapatkan pekerjaan yang wujud di kawasan itu.

ABSTRACT

The Federal Land Authority (FELDA) was established in order to achieve a certain socio-economic standard of the settlers; and it was successful in doing so, based on the amount of the agricultural production of the FELDA. Like other FELDA schemes, Sungai Klah with 366 settlers ^{was} also able to achieve this objective.

Socio-economic growth of the settlers brings about the achievement of the second generation (settlers' children), especially with regard to education and training. More opportunities were created in the semi professional training. Besides that the second generation ^{was} ~~were~~ given the privilege of joining the social activities with the facilities provided for them.

Obviously it could not be denied that the socio-economic standard of the settlers as a whole has improved. But, from the study made it could be seen that the rate of the job opportunities in the scheme could not cater the need of the second generation. The type of jobs in the scheme also does not suit their need, because of the improvement in their academic qualifications. As a result the second generation migrate to the cities in order to be employed in / ^{those} particular places.

PENGHARGAAN

Kajian Latihan Ilmiah ini disempurnakan laporannya dengan bimbingan dan penyeliaan En. Wan Azmi Ariffin di peringkat awal dan diteruskan oleh En. Hassan Naziri bin Khalid, dan dengan sumbangan dan kerjasama oleh beberapa pihak. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang berkenaan, terutama En. Wan Azmi dan En. Hassan Naziri yang telah membimbing saya hingga terhasilnya laporan ini.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak FELDA yang telah membenarkan saya menjalankan penyelidikan di kawasan FELDA Sungai Klah tanpa sebarang halangan. Kerjasama yang diberikan oleh Pengurus dan Pegawai-Pegawai rancangan FELDA Sungai Klah sangat-sangat saya hargai dan disusuli dengan jutaan terima kasih. Untuk belia-belia FELDA Sungai Klah, khasnya Sdr. Zainol Abidin Saidin (Mahasiswa U.S.M) yang telah membantu saya dalam menjalankan penyelidikan, saya tidak akan melupai budi mereka dan juga mengucapkan terima kasih.

Kepada pihak Institut Pembangunan Tanah (Inpit) dan pihak Pusat Latihan FELDA di Trolak penghargaan yang sama saya rakamkan. Untuk adik saya Addnan Hj. Din yang sentiasa menyampaikan maklumat berguna bagi menjayakan laporan ini setinggi-tinggi penghargaan saya sampaikan.

Akhir kata kepada pihak Universiti Sains Malaysia yang berusaha meningkatkan lagi bidang pembelajaran dengan mewajibkan Latihan Ilmiah sebegini, saya ucapkan syabas.

KANDUNGAN

Muka Surat

	ABSTRAK.....	i
	PENGHARGAAN.....	iii
	KANDUNGAN	iv
	SENARAI JADUAL.....	v
	SENARAI RAJAH.....	vi
BAB I	PENGERTIAN.....	1
BAB II	ISSU-ISSU UMUM GENERASI KEDUA.....	13
BAB III	STRUKTUR UMUR DAN TARAF PENDIDIHAN SERTA LATIHAN GENERASI KEDUA.....	39
BAB IV	GUNATENAGA DAN KEGIATAN PERSATUAN GENERASI KEDUA.....	49
BAB V	MAKLUMAT SIKAP DAN TANGGAPAN GENERASI KEDUA.....	65
BAB VI	PENUTUP DAN RUMUSAN.....	78
	LAMPIRAN A.....	86
	LAMPIRAN B.....	88
	LAMPIRAN C.....	96
	LAMPIRAN D.....	97
	LAMPIRAN E.....	98
	LAMPIRAN F.....	99
	BIBLIOGRAFI.....	102

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Taraf Pelajaran Di 11 Buah Rancangan FELDA.	20
2	Pendapatan Bulanan Belia-belia Di Rancangan FELDA.	36
3	Kelulusan Akademik Generasi Kedua FELDA Sungai Klah.	44
4	Sebab-sebab Tidak Mengikuti Sebarang Latihan.	47
5	Jenis-jenis Pekerjaan Yang Dipohon Oleh Anak-anak Peneroka.	53
6	Usaha-usaha Sampingan Yang Dijalankan Generasi Kedua.	58
7	Jangkaan Di Tempat Baru Oleh Generasi Kedua.	69
8	Tanggapan Generasi Kedua Mengenai Keaduan Di Rancangan.	72
9	Pilihan Generasi Kedua Mengenai Jenis-jenis Kursus.	75
10	Peringkat Pelajaran Dicapai Oleh Anak-anak Peneroka Di FELDA.	84

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Pusingan Permasalahan Hidup	11
2	Carta Pentadbiran Belia FELDA	32
3	Piramid Penduduk FELDA Sungai Klah Dari Generasi Kedua	39
4	Piramid Penduduk Di Rancangan FELDA	40
5	Bilangan Generasi Kedua Yang Menolong Ibubapa Di Ladang	57

PAB I

PENGANTARAN

Permasalahan Umum

Salah satu masalah yang paling ketara dalam setiap sektor ekonomi di negara-negara membangun ialah ketidakseimbangan sumbangan tenaga buruh. Kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi perbezaannya di antara sektor memperlihatkan perbezaan pengagihan gunatenaga. Peluang-peluang pekerjaan di sektor perindustrian dan perkhidmatan sering mendapat perhatian belia-belia di negara membangun. Tetapi di sektor pertanian keadaan di sebaliknya berlaku, di mana keperluan tenaga kerja tidak dapat dipenuhi disebabkan oleh tumpuan tenaga kerja khususnya dari golongan belia ke sektor perindustrian dan perkhidmatan di bandar-bandar.

Tenaga kerja di sektor pertanian sering menghadapi pengangguran bermusim di mana tenaga buruh tidak dapat dipergunakan sepanjang tahun disebabkan oleh keluaran pertanian yang sentiasa turun naik. Gangguan alam sekitar seperti cuaca dan iklim juga sering menjadi penghalang kepada penggunaan tenaga kerja dengan lebih berkesan. Dengan itu berlaku perpindahan buruh dari sektor pertanian ke sektor industri kerana gagal mendapatkan pekerjaan tempatan yang sesuai dalam mencari ekonomi yang lebih baik dan lebih terjamin.¹⁾

Pertumbuhan ekonomi di negara membangun seperti

1) Blair, J.A.S. dan Nache, M.N., Changing Rural Lifestyles,
Input, FELDA, 1980, m.s. 4

Malaysia sering dikaitkan dengan perpindahan berterusan tenaga buruh dari luar bandar ke bandar-bandar. Apabila industri di bandar-bandar berkembang peluang pekerjaan baru wujud; manakala kemajuan buruh di bidang pertanian berkurangan, dan keperluan tenaga buruh di bidang tersebut semakin meningkat. Apa yang berlaku di negara membangun dalam konteks tenaga buruh akibat daripada sikap dan anggapan masyarakat ialah kecenderungan pandangan terhadap bandar selaku pusat pertumbuhan¹⁾, dan tapak-tapak penting bagi memperkembangkan ekonomi.²⁾

Bagi golongan belia pada amnya percubaan dilakukan untuk keluar dari sektor pertanian tradisional yang produktivitinya adalah rendah. Walau pun terdapat cara-cara pertanian yang mengarah ke unsur moden, perubahan ini terbatas keupayaannya dan pelaksanaannya kerana struktur institusi pertanian itu sendiri tidak menggalakkan perkembangan yang lebih pesat. Golongan belia lebih suka kepada keadaan yang tidak terkongkong dengan kerja-kerja dalam kelompok keluarga di mana ketua keluarga mengawal dan mengarah mereka. Walau pun terdapat kemajuan teknikal dalam sektor ini, tetapi tidaklah begitu banyak memberi sumbangan kepada kelahiratan peluang-peluang pekerjaan. Justeru itu, generasi kedua lebih mementingkan pekerjaan berpendapatan tetap yang selalu diistilahkan sebagai pekerjaan 'kolar putih' dan 'kolar biru' yang wujud di bandar-bandar. Jadi generasi muda cuba menjangkau satu

1) Todaro, M.P. Economics for a Developing World, Longman, 1977, m.s. 420.

2) Todaro, M.P. *Ibid*, m.s. 231.

struktur hidup baru berbeza dari apa yang dilakukan oleh generasi sebelumnya.

Pada hari ini golongan belia lebih terdedah kepada proses pendidikan dan pembelajaran yang lebih luas serta lebih tinggi lagi. Dengan itu maklumat-maklumat mudah sampai ke pengetahuan belia melalui berbagai saluran. Keadaan ini mendorong golongan belia ke arah mencapai kehidupan yang tidak lagi terikat dengan apa yang dianggap sebagai tradisional di sektor pertanian, umpamanya keinginan kepada kehidupan baru atau perubahan keadaan yang dianggap lebih terjamin untuk masa hadapan.

Keadaan yang sama seperti di atas terdapat di rancangan FELDA di seluruh negara. Anak-anak peneroka terutama sekali apabila ditinjau dari segi taraf pelajaran adalah meningkat. Dengan itu mereka memerlukan jenis pekerjaan yang lebih baik lagi dari yang terdapat di dalam rancangan.

Anak-anak peneroka seperti generasi muda lain masih mewarisi pegangan tradisi masyarakat timur, iaitu ingin tinggal, bekerja dan hidup dalam masyarakat di mana ia dilahirkan dan dibesarkan sedapat mungkin. Tapi keadaan tidak mengizinkan kerana peluang yang lebih baik wujud di luar rancangan FELDA, khususnya di bandar-bandar. Manakala di kawasan FELDA hanya wujud kebanyakannya kerja-kerja buruh di ladang-ladang kelapa sawit dan di kebun-kebun getah. Dari aspek daya tarikan didapati amat kuat dari kawasan luar FELDA khususnya di pusat-pusat pertumbuhan.

Berasaskan kenyataan di atas beberapa hipotesis

dapat dibentuk iaitu,

- i- Kadar peluang pekerjaan di rancangan tidak seimbang dengan tenaga belia yang wujud di rancangan FELDA.
- ii- Jenis-jenis pekerjaan di rancangan FELDA tidak selaras dengan kehendak golongan belia di rancangan.
- iii- Perpindahan generasi kedua terus berlaku dari rancangan ke pusat-pusat pertumbuhan untuk melibatkan diri dalam sektor industri dan perkhidmatan.

Generasi Kedua

Dalam kajian ini anak-anak peneroka diistilahkan sebagai generasi kedua kerana peneroka yang menyelenggarakan rancangan adalah generasi pertama. Manakala anak-anak peneroka adalah kalangan yang akan mewarisi lot-lot pertanian yang sedang dimiliki oleh generasi pertama iaitu peneroka-peneroka yang ada sekarang.

Tinjauan terhadap generasi kedua ialah kepada mereka yang dapat dihubungi. Ini bermakna mereka yang telah meninggalkan rancangan ini kerana telah mendirikan rumah tangga atau berhijrah ke tempat lain untuk mendapatkan pekerjaan tidak diberi perhatian disebabkan oleh kesukaran mendapatkan maklumat. Jadi anak-anak peneroka yang masih tinggal bersama-sama dengan ibubapa mereka iaitu peneroka-peneroka FELDA Sungai Klah, sam ada bergantung sepenuhnya, separuh atau menyumbangkan tenaga mereka kepada seluruh keluarga diambil kira untuk kajian

ini. Mereka yang bergantung kepada ibubapa terdiri dari anak-anak peneroka yang masih di bangku sekolah, atau belum mencapai peringkat umur persekolahan.

Dalam kajian ini mereka yang berumur 15 tahun ke atas diberi perhatian kerana selain daripada mencapai tingkat umur tenaga produktif, mereka juga merupakan golongan terbanyak yang telah meninggalkan sekolah setelah tidak berjaya dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Sewajarnya tinjauan ditumpukan kepada golongan ini bagi meninjau beberapa aspek yang akan dibincangkan nanti.

Objektif Kajian

Kajian ini ditumpukan kepada aspek gunatenaga generasi kedua dengan mengarahkan pendekatan kepada beberapa objektif. Objektif-objektif kajian dapat dijelaskan seperti berikut:-

- i- Untuk mengkaji corak pekerjaan anak-anak peneroka.
- ii- Untuk melihat sejauhmana matlamat generasi kedua dalam mencari pekerjaan dapat dicapai sama ada di rancangan atau pun di luar rancangan.
- iii- Bagi meninjau peranan anak-anak peneroka dalam struktur sosial FELDA.

Methodologi

Punca utama kajian ini ialah melalui soal-selidik yang dilakukan di FELDA Sungai Klah terhadap 30 peratus daripada

366 keluarga peneroka. Ini bermakna 110 sampel telah dipilih secara rambang dengan berpandukan kepada jadual sampel rambang. Mana-mana kes yang terpilih dari senarai 366 keluarga tersebut, seorang dari generasi kedua dari keluarga tersebut diminta menjawab soalan-soalan yang telah disediakan. Sedapat mungkin sampel yang terpilih bukan sahaja menjawab soalan-soalan yang berhubung dengan peribadi sampel tetapi juga mengenai maklumat keluarga. Oleh kerana generasi kedua masih terikat dengan keluarga peneroka, maka difikirkan sedikit sebanyak daripada keadaan keluarga harus mendapat pertimbangan dalam kajian ini.

Terdapat juga sampel-sampel yang tidak dapat ditemui atau tidak terdapat generasi kedua yang layak menjawab soalan-soalan tersebut, misalnya masih lagi dalam lengkungan umur kanak-kanak, maka terpaksa digantikan dengan sampel-sampel simpanan. Akhirnya keseluruhan 110 borang soal-selidik dipenuhi dengan jawapan dari generasi kedua.

Data-data dan maklumat yang diperolehi dari borang soal-selidik itu kemudiannya diproses secara manual walau pun memakan masa yang agak panjang, kerana memandangkan kajian ini dijalankan pada masa cuti akhir pengajian sidang akademik 1980/81. Di samping itu didapati tidaklah membetankan sangat kerana jawapan-jawapan yang perlu diproses tidaklah begitu kompleks. Seterusnya data-data dan maklumat ini dianalisa dengan bantuan Pegawai Kanan Penyelidikan Sosial dari Institut Pembangunan Tanah (Input)¹⁾ di Trolak, Perak.

1) Sebuah Institut di bawah pentadbiran FELDA di mana penyelidikan serta latihan kepada pegawai-pegawai FELDA khasnya dan kakitangan badan-badan berkenaan yang sama tujuan dan matlamat dijalankan.

Sebelum soal-selidik dijalankan, maklumat asas juga diperolehi dari tiap-tiap peneroka mengenai bilangan ahli keluarga serta umur-umur mereka dan pekerjaan. Maklumat awal ini bukan sahaja untuk pemilihan sampel, tetapi juga merupakan satu gambaran asas kepada struktur keluarga-keluarga peneroka di FELDA Sungai Klah.

Bagi mendapatkan maklumat tambahan, penyelidik mengadakan perjumpaan dengan Pengurus Rancangan tersebut. Perbincangan banyak ditumpukan kepada latar belakang sosial dan ekonomi peneroka dan anak-arak mereka khusus mengenai masalah-masalah yang pernah dikemukakan kepada pengurus selaku pemimpin utama dalam rancangan FELDA. Penyelidik juga mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin belia di rancangan tersebut. Perbincangan ini berlandaskan kepada kegiatan belia sama ada dalam bidang ekonomi, kebudayaan mahu pun kesukaran.

Dengan pertemuan-pertemuan itu dapat memberi gambaran yang lebih jelas lagi mengenai struktur sosial di rancangan FELDA berkenaan. Adalah difikirkan juga perjumpaan-perjumpaan itu dapat memberi sokongan yang kuat kepada soal selidik yang telah dijalankan. Dengan gabungan dua orang penyelidikan ini diharap dapat menghasilkan laporan yang lebih baik.

Kawasan Kajian Dan Latar Belakangnya

Felda yang dijadikan tumpuan kajian kes ialah FELDA Sungai Klah, sebuah rancangan FELDA yang terletak di Sungkai, Perak. Ia adalah sebuah rancangan tanaman getah yang

diduduki oleh 366 keluarga peneroka. 300 keluarga terdiri dari kaum Melayu, 37 keluarga kaum India dan 29 keluarga kaum China. Luas kawasan perkampungan ialah 207 ekar, dan di tapak kediaman inilah terdapat kemudahan-kemudahan pelajaran bagi anak-anak peneroka iaitu sebuah sekolah Kebangsaan, sebuah sekolah Agama dan sebuah sekolah Tadika.

Di samping Pejabat Pentadbiran yang menjalankan pengawasan aspek-aspek sosio-ekonomi peneroka-peneroka dan seluruh ahli keluarga mereka, terdapat kemudahan-kemudahan awam seperti Balairaya, Masjid, Kuil Hindu, Kompleks Belia, Klinik dan Kedai Syarikat yang menyediakan barang keperluan harian. Kemudahan-kemudahan ini disediakan selaras dengan keperluan ahli-ahli rancangan keseluruhan, sesuai dengan jarak yang agak jauh dari pekan yang paling hampir iaitu Sungkai, sejauh 5 batu dari rancangan ini.

Kalau dilihat dari segi pendapatan dari peringkat-peringkat ini adalah seperti berikut. Purata pendapatan bagi peneroka-peneroka di peringkat pertama ialah sebanyak \$386.00 sebulan; peringkat kedua ialah sebanyak \$420.00 sebulan dan yang paling tinggi ialah di peringkat ketiga iaitu sebanyak \$560.72 sebulan. Paling rendah ialah pendapatan peneroka di peringkat ke empat iaitu sebanyak \$154.52. Semua pendapatan peneroka dikira secara purata pendapatan mengikut peringkat. Jadi purata keseluruhan pendapatan peneroka FELDA Sungai Klah ialah \$380.81 bagi tiap-tiap seorang.

punca ?

Secara keseluruhan FELDA Sungai Klah mempunyai kemudahan-kemudahan yang memuaskan dari segi keperluan sosio-

ekonomi. Di samping bangunan-bangunan awam yang telah dinyatakan terdapat juga kawasan kegunaan awam seperti padang permainan, tanah perkuburan bagi orang Islam, China dan India. Dua buah gelanggang badminton dan taman selera yang terdapat di sini juga boleh diistilahkan sebagai kawasan kegunaan awam.

Rancangan FELDA ini juga diberi kemudahan air paip kepada kesemua penduduk dalam perkampungan rancangan. Manakala bekalan letrik cuma diberikan kepada kakitangan FELDA, Masjid dan Rumah Guru. Bekalan Letrik sepenuhnya akan diadakan pada tahun 1982 mengikut penerangan dari pihak pentadbiran rancangan.

Dari segi keselamatan, pentadbiran FELDA memberi perhatian yang agak serious. Selain daripada mengadakan Perkhidmatan Pos Kawalan yang diadakan di pintu-pintu masuk ke perkampungan rancangan, diadakan pula Pasukan kawalan FELSCO yang sentiasa menjalankan rondaan di kawasan perkampungan. Pertubuhan Rela yang ditubuhkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sentiasa membantu mengurangkan jenayah di sini.

Dari kemudahan-kemudahan yang dapat diwujudkan terdapat juga beberapa kemudahan perhubungan seperti perhubungan talipon dan jalanraya yang bertar. Selaras dengan perhubungan ini didapati juga 90 peratus peneroka memiliki motosikal dan 5 peratus memiliki kereta.

Pada keseluruhan FELDA Sungai Klah mempunyai kemudahan sosial yang agak lengkap. Peneroka-peneroka dapat merasai nikmat ini setelah mereka menyertai rancangan. Keadaan ini mungkin tidak wujud jika mereka terus tinggal di tempat

asal mereka.

Skop Kajian

Dalam sektor pertanian di negara membangun, sumbangan jumlah teraga buruh kepada peningkatan jumlah keluaran negara amat diperlukan. Keperluan ini amat tinggi kerana bidang pertanian yang terdapat di negara membangun masih melaksanakan sistem kebun kecil. Bagi Malaysia sistem kebun kecil amat ketara dalam penanaman getah dan kelapa sawit. Keluasan tanah pertanian amat terhad bagi pemilik-pemilik jenis ini. Kebanyakannya kurang dari 10 ekar. Cara-cara pertanian yang lebih moden dalam melaksanakan kerja di ladang tidak dapat dijalankan bukan sahaja kerana struktur pemilik, tetapi struktur pertanian itu sendiri tidak mengizinkan dewasa ini. Dengan itu keperluan tenaga buruh yang ramai masih menjadi dasar kejayaan pertanian tersebut.


Memandangkan kepada keperluan tenaga kerja yang ramai, kajian ini akan meninjau sejauhmana generasi kedua yang terdiri dari tenaga-teraga produktif memberi sumbangan kepada keluaran pertanian. Di sebaliknya adakah generasi kedua cuba mengalih pandangan kepada sektor lain seperti perindustrian dan perkhidmatan yang ada di bandar-bandar. Apakah faktor-faktor tolakan yang menyebabkan berlakunya keadaan begini.

Fokus yang lebih spesifik ditumpukan kepada pekerjaan generasi kedua yang telah, sedang dan akan dijalankan. Pekerjaan generasi kedua yang mencerminkan keadaan sosio-ekonomi mereka akan diberi perhatian dalam kajian ini. Kajian ini juga

akan menitik-beratkan usaha-usaha sampingan yang dijalankan sama ada di dalam rancangan mahu pun di luar rancangan. Bagi menilai tanggapan generasi kedua terhadap keadaan dan suasana yang dihadapi, beberapa soalan mengenai sikap dikemukakan. Dari sini dapat dilihat bagaimana hubungan pekerjaan yang dilakukan dengan matlumat pencapaian generasi kedua dalam menjamin masa hadapan mereka.

Kesemua faktor-faktor pekerjaan dan sikap tidak dapat tidak disokong oleh taraf pelajaran yang dimiliki oleh generasi kedua sama ada dalam bidang akademik mahu pun iktisas. Perkembangan dari pelajaran dapat dikaitkan dengan satu pusingan yang mudah difahami. Biasanya taraf pelajaran yang rendah membawa kepada beberapa sikap negatif yang membawa pula kepada kelembapan perkembangan pembangunan sosio-ekonomi,

RAJAH 1: PUSINGAN PERMASALAHAN HIDUP




kerana sikap negatif seperti sukar menerima perubahan akan mengujudkan masalah pekerjaan, yang kemudiannya akan

akan menitik-beratkan usaha-usaha sampingan yang dijalankan sama ada di dalam rancangan mahu pun di luar rancangan. Bagi menilai tanggapan generasi kedua terhadap keadaan dan suasana yang dihadapi, beberapa soalan mengenai sikap dikemukakan. Dari sini dapat dilihat bagaimana hubungan pekerjaan yang dilakukan dengan matlamat pencapaian generasi kedua dalam menjamin masa hadapan mereka.

Kesemua faktor-faktor pekerjaan dan sikap tidak dapat tidak disokong oleh taraf pelajaran yang dimiliki oleh generasi kedua sama ada dalam bidang akademik mahu pun iktisas. Perkembangan dari pelajaran dapat dikaitkan dengan satu pusingan yang mudah difahami. Biasanya taraf pelajaran yang rendah membawa kepada beberapa sikap negatif yang membawa pula kepada kelemahan perkembangan pembangunan sosio-ekonomi,

RAJAH 1: PUSINGAN PERMASALAHAN HIDUP



kerana sikap negatif seperti sukar menerima perubahan akan mengujudkan masalah pekerjaan, yang kemudiannya akan

menimbulkan berbagai masalah sosial pula dalam masyarakat.

Tinjauan juga perlu dikaitkan dengan dorongan, bimbingan dan pimpinan yang diberikan kepada generasi kedua dalam mencorak hidup mereka kerana tidak mungkin bagi sebahagian besar dari generasi kedua bergantung sepenuhnya kepada lot-lot pertanian yang diperuntukkan kepada generasi pertama. Apabila generasi kedua terpisah ikatan pergantungan daripada generasi pertama disebabkan oleh berumah-tangga biasanya, maka generasi kedua perlu kepada satu susunan hidup baru. Untuk mencapai objektif ini terdapatlah institusi-institusi seperti badan-badan di dalam FELDA, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan dan JKRR¹⁾ bagi membimbing ke arah yang diharapkan.

✓
selain sekretar dan
berkeana

1) Jawatan Kuasa Kemajuan Rancangan ditubuhkan dengan tujuan meningkatkan lagi aspek sosio-ekonomi seluruh peneroka dan keluarga mereka.

ISSU-ISSU UMUM GENERASI KEDUA FELDA

Allahyarham Presiden Sukarno pernah berkata, "Berikan saya sepuluh tenaga orang-orang tua, saya tidak bisa berbuat apa-apa; tetapi beri saya sepuluh tenaga orang-orang muda, saya bisa meruntuhkan gunung Merapi",¹⁾ Kenyataan ini sudah cukup membuktikan betapa pentingnya tenaga belia dalam konteks pembangunan masyarakat dan negara. Tenaga belia merupakan tonggak kepada pembentukan struktur sosial, keteguhan politik dan kestabilan ekonomi. Dan dari golongan inilah juga akan lahir tenaga mahir, cerdik-pandai serta pemimpin yang akan menggantikan generasi sekarang.

Bagi menentukan pertumbuhan di masa akan datang tidak terbantut dalam alirannya, 60 peratus daripada penduduk yang terdiri dari belia-belia di bawah umur 25 tahun seperti di negara ini, mestilah dilengkapi pengetahuan akademik atau dengan kemahiran teknikal, pengetahuan di bidang pertanian moden, perniagaan dan perdagangan dan lain-lain lagi. Dengan itu mereka dapat menjadi agen kepada pertumbuhan dan perubahan yang sentiasa berlaku.²⁾

Belia-belia sentiasa terdedah kepada perubahan-perubahan dan senang terpengaruh dengan keadaan persekitaran.

-
- 1) Wahiduddin Wahab, *Tenaga Belia Sebagai Penggerak Pembangunan Masyarakat*, dlm Seminar Peneroka 1979, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1979, m.s. 114.
 - 2) Bahrin, T.S., Perera, P.D.A., dan H.K.Lim, *Land Development and Resettlement in Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979, m.s. 333.

Oleh itu mereka juga dapat dianggap sebagai agen perubahan yang paling efektif kerana proses integrasi mudah berlaku di kalangan belia. Berdasarkan kepada pentingnya generasi kedua dalam memainkan peranan terhadap pembangunan, maka generasi kedua dalam masyarakat FELDA perlu diberi perhatian.

Dewasa ini, tanah dianggap sebagai punca penyelesaian kebanyakan masalah sektor pertanian termasuk masalah generasi kedua.¹⁾ Walau bagaimana pun kadar yang melibatkan diri dalam pertanian adalah tinggi dan situasi ini mempunyai kesan yang amat nyata kepada kadar manusia-tanah. Keluasan tanah yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha pertanian setelah berlaku pemecahan dan pembahagian menggambarkan tekanan yang kuat terhadap pemilikan tanah. Dari maklumat dan pemerhatian didapati 90 peratus dari tanah pertanian di Semenanjung Malaysia kurang dari 10 ekar, dan 96 peratus kurang dari 15 ekar bagi seseorang pemilik. Hitung panjang saiz tanah bagi seorang pemilik ialah 4.7 ekar.²⁾ Saiz tanah yang dianggap paling ekonomik untuk diusahakan dengan pertanian perdagangan seperti getah dan kelapa sawit ialah 10 ekar. Dengan saiz ini dijangka sesebuah keluarga peneroka dalam konteks pertanian perdagangan pertanian di FELDA akan mencapai satu taraf hidup yang sesuai.

Dengan pertambahan penduduk yang pesat, pemecahan tanah akan berlaku, membawa kepada unit pertanian yang tidak

1) Bahrin, T.S., Perera, P.D.A., dan H.K., Lim, Ibid, m.s. 405.

2) Ibid, m.s. 405.

ekonomik. Bagi generasi kedua yang bakal mewarisi tanah pertanian yang semakin kecil lotnya, adalah menjadi satu masalah pemilikan. Ini membawa kepada punca pendapatan yang semakin sempit dan seterusnya pendapatan yang kian rendah. Pekerjaan-pekerjaan di ladang-ladang berhampiran juga terhad, dan ini menambahkan lagi pengangguran yang ada di sektor-sektor luar bandar.

Syarat utama dan terpenting untuk menyertai tanah pertanian di rancangan FELDA, pemohon mestilah telah berkahwin. Walau pun unit keluarga yang kecil diperlukan untuk menyertai tanah rancangan FELDA, tetapi didapati saiz keluarga menjangkau dari 2 orang ke 17 orang.¹⁾ Keadaan ini boleh dikatakan berlaku di kebanyakan tanah rancangan. Dalam jangka beberapa tahun lagi kebanyakan peneroka akan mendapat hak pemilikan tanah yang diusahakan, tetapi penyerahan pemilikan masih berdasarkan kepada beberapa syarat seperti jangkamasa tanah itu tidak boleh dipecah atau dijual ialah 25 tahun; dan pada dasarnya cuma seorang sahaja dari ahli keluarga yang akan mewarisi tanah pertanian tersebut. Dengan itu secara tidak langsung peluang lain-lain ahli keluarga untuk tinggal di rancangan adalah tipis, dan terpaksa mereka mencari pekerjaan di tempat lain kerana tidak akan terdapat pertambahan peluang pekerjaan di sektor tersebut, selagi matlamat pengeluaran tidak berubah. Berasaskan kepada kenyataan ini kebanyakan

1) Bahrin, T.S., Perera, P.D.A., dan H.K.Lim, Ibid, m.s. 406.

daripada generasi kedua terpaksa meninggalkan tanah rancangan untuk mencari peluang pekerjaan di tempat baru bagi menjamin masa hadapan mereka, sekurang-kurangnya dari aspek ekonomi.

Latar Belakang Kemudahan Pendidikan Dan Taraf Pelajaran.

Pendidikan anak-anak peneroka merupakan aspek terpenting untuk mengujudkan pertumbuhan ekonomi dan sosial di kalangan masyarakat FELDA. Malah negara keseluruhan melihat fenomena ini sebagai satu perkara yang perlu dititik-beratkan.

Tidak dapat dinafikan pendidikan merupakan pelaburan punca tenaga manusia yang perlu untuk menjadi penggerak kepada pembangunan di masa yang akan datang. Telah dibuktikan bahawa pelaburan dalam pendidikan membawa kepada pertama, kadar pulangan yang tinggi, kedua kadar pembangunan ekonomi yang diperlukan oleh masyarakat adalah berasaskan kepada pelaburan punca tenaga manusia, dan ketiga sebab utama yang membawa kepada kegagalan pertumbuhan ekonomi di negara membangun ialah tidak menyempurna dan melengkapkan pertumbuhan dalam bidang pendidikan.¹⁾

Apa yang didapati dalam proses pendidikan anak-anak ialah berbagai halangan yang terpaksa dihadapi oleh ibubapa. Misalnya pendapatan keluarga yang rendah dan ditambahkan pula dengan perlunya anak-anak membantu ibubapa mereka di ladang-ladang untuk mencukupi keperluan pendapatan keluarga. Ini bukan setakat membebankan daya fizikal anak-anak, malah boleh menyekat perkembangan mental. Walau pun kelengkapan pembelajaran mencukupi ibubapa tidak dapat menggunakan sepenuhnya untuk faedah anak-anak,

1) Thomas, D.W. & Atkinson, J.H., 'Graduate and Undergraduate Teaching Institution', Institutions in Agricultural Development. Iowa State Univ. Press, 1971, m.s. 108.

mereka, kerana keperluan semasa keluarga amat tinggi dari segi ekonomi.

Kedaaan di rancangan FELDA tidak seburuh yang digambarkan seperti di sektor pertanian lain. Di samping pendapatan yang agak tinggi secara berbanding, beberapa kemudahan lain didapati seperti pemakanan yang agak sempurna di bawah pengawasan yang lebih tersusun. Assessibiliti para peneroka dan seluruh keluarga kepada kemudahan kosihatan membantu pertumbuhan sosial yang lebih menggalakkan. Ini amat sesuai dengan keperluan awal kepada proses pembelajaran yang mengarahkan kepada kesempurnaan dan kejayaan. Salah satu daripada perkembangan yang menggalakkan bagi peneroka dan anak-anak mereka ialah penyediaan awal proses pembelajaran dalam sistem pendidikan melalui sekolah-sekolah TADIKa (Taman Didikan Kanak-kanak) di tiap-tiap rancangan. Di sini dapatlah dianggap bahawa TADIKa adalah tapak samaian yang tinggi keupayaannya dalam pembentukan awal kecintaan kepada pelajaran secara keseluruhan. Sekolah-sekolah rendah juga diwujudkan di kebanyakan rancangan di mana difikirkan perlu. Malah terdapat juga sekolah-sekolah menengah di rancangan-rancangan yang didapati sesuai diwujudkan.

Sekolah-sekolah TADIKa di rancangan-rancangan telah membawa faedah jangka panjang, dan peneroka-peneroka pada keseluruhannya menyanjungi kewujudannya. Bahagian Pembangunan Peneroka¹⁾ telah memberi penyeliaan yang cukup

1) Badan ini ditadbirkan oleh ibu pejabat FELDA dengan pegawai-pegawai yang sentiasa merancang, mengarah dan mengawas untuk melaksanakan projek-projek bagi kesejahteraan peneroka.

dalam bidang persekolahan awal ini bagi menentukan kejayaannya dan membuahkan hasil yang menggalakkan.

Seperti ahli-ahli masyarakat lain, peneroka-peneroka menghadapi masalah kewangan mengenai pendidikan anak-anak mereka sama ada di rancangan yang belum mengeluarkan hasil, mahu pun rancangan yang telah mengeluarkan hasil. Beberapa cara telah dilaksanakan untuk tujuan menyampaikan bantuan kepada yang memerlukannya bagi membolehkan anak-anak peneroka menyambungkan pelajaran. Dua jenis bantuan awal telah diadakan iaitu,

- i) bantuan segera bagi memenuhi pembayaran yuran, perbelanjaan membeli buku, pakaian seragam sekolah, tambang bas atau yuran asrama.
- ii) Pinjaman pembayaran balik secara mudah untuk tujuan membiayai persekolahan anak-anak.

Dengan usaha-usaha badan tersebut serta galakan-galakan yang diberikan melalui penerangan-penerangan, kadar kanak-kanak yang bersekolah meningkat melebihi 81.0 peratus pada tahun 1979 di kebanyakan rancangan.¹⁾

Dengan bertambahnya kemudahan-kemudahan pendidikan di rancangan FELDA dan dengan wujudnya minat yang kuat di kalangan peneroka dalam sistem pendidikan anak-anak mereka akan mendorong kejayaan generasi kedua dalam bidang akademik. Tapi lahir pula masalah lain khususnya dari segi

1) Bahrin, T.S., et. al. op.cit. m.s. 336

gunatenaga jika tidak diberi perhatian dan bertindak sejajar dengan kehendak serta keperluan gunatenaga di kalangan generasi kedua.

Didapati dari 113,758 anak-anak peneroka yang layak bersekolah cuma 61.6 peratus masih di bangku sekolah.¹⁾ Walau bagaimana pun angka ini makin meningkat dari semasa ke semasa dan dalam beberapa tahun dipercayai kadar ini akan bertambah baik daripada peratus yang terdapat di luar rancangan berasaskan usaha-usaha positif yang dijalankan dengan perancangan-perancangan yang lebih tersusun di samping usaha-usaha ke arah peningkatan sosial dan ekonomi yang lebih baik. Diyakini dari semasa ke semasa anak-anak peneroka akan penjangkau pengajian yang lebih tinggi hingga ke peringkat universiti dengan jumlah yang makin bertambah. Tetapi masalah yang bakal dihadapi ialah terdapatnya 'penganggur-penganggur yang berpendidikan tinggi dan penganggur-penganggur yang tidak lagi buta huruf'. Oleh kerana kemampuan untuk menyerap ke rancangan-rancangan baru adalah rendah, maka berkeliaranlah golongan ini dalam mencari pekerjaan-pekerjaan di bandar-bandar. Memburukkan lagi keadaan ialah generasi kedua yang meninggalkan bangku sekolah sebelum sampai tempohnya atau golongan yang dianggap tercicir. Golongan ini merupakan yang paling ramai dalam masyarakat FELDA. Dari maklumat yang diperolehi di 11 buah rancangan didapati perangkaan berikut. (Jadual 1)

1) Bahrin, T.S., et. al. op. cit. m.s. 407.

JADUAL 1: TARAF PELAJARAN DI 11 BUAH RANCANGAN FELDA

(Dalam Peratus)

Rancangan	Rendah	Menengah Rendah	Menengah Atas	Maktab	Univ.	Lain2
Kg. Chahaya Baharu	26.7	15.9	22.0	44.4	12.5	26.3
Tenang Besut	2.6	3.8	3.9	-	-	7.2
Seberang Tayor	5.7	4.1	3.4	11.1	-	5.2
Chalok Barat	0.9	0.6	0.4	-	-	3.2
Tenang	16.9	18.2	21.2	-	12.5	11.2
Pasak	9.3	9.3	5.4	11.1	-	14.3
Jengka I	4.3	1.2	0.8	-	-	4.4
Taib Andak	15.1	27.6	27.6	-	37.5	6.4
Bukit Besar	11.0	13.7	9.8	22.2	25.0	10.0
Bukit Goh	4.5	3.2	1.5	11.1	-	4.4
Jerangau	3.1	2.3	4.1	-	12.5	7.6
Peratus di semua Rancangan	59.9	21.6	12.3	0.2	0.2	5.8

Fuaca: Bahrin, T.S. et. al., Land Development and Resettlement in
Malaysia, Kuala Lumpur, 1979. m.s. 408.

Dari data di atas didapati masih ramai anak-anak peneroka yang meninggalkan sekolah sebelum sampai masa sepatutnya. Buat sementara waktu golongan ini tidak dapat mengharapkan sepenuhnya kepada sektor lain untuk peluang pekerjaan. Jadi tanpa mempunyai pilihan lain terpaksa bergantung kepada lot pertanian buat

HADIAN

beberapa ketika kerana umur masih muda, dan kelulusan adalah rendah. Mungkin apabila sampai jangka umur bekerja, mereka hanya berpeluang mendapatkan pekerjaan di sektor pertanian sebagai buruh-buruh berpendapatan rendah.

Apakah harapan golongan ini untuk mengalih pandangan dari bidang pendidikan akademik ke arah pendidikan professional. Jika diteliti didapati beberapa kursus dijalankan beberapa badan seperti FELDA sendiri, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Kementerian Buruh Dan Tenaga Rakyat, Mara, Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar dan Kerajaan Negeri. Bidang-bidang latihan pula melebihi bilangan badan yang menjalankan kursus seperti kepimpinan, perniagaan, pertanian dan ternakan, urusan rumah-tangga, jahitan, sukan, mekanik dan lain-lain lagi. Golongan generasi kedua khasnya yang tercicir dalam bidang akademik memang memerlukan latihan-latihan iktisas bagi menjamin masa hadapan mereka. Tetapi didapati kebanyakan latihan dan bimbingan tidaklah mencukupi untuk memiliki satu tauliah yang boleh dianggap 'professional'. Kebanyakan kursus-kursus yang dijalankan merupakan latihan-latihan asas sahaja. Satu persoalan yang sukar ditentukan ialah sejauhmanakah belia-belia yang telah menerima latihan akan meneruskan usaha mereka di bidang-bidang latihan tersebut untuk meningkatkan potensi ekonomi sekurang-kurangnya.

Satu lagi masalah yang tidak kurang menjadi penghalang kepada generasi kedua ialah untuk menyertai kursus pada keseluruhannya mereka sukar untuk meninggalkan rancangan kerana terpaksa bekerja bagi memenuhi keperluan hidup. Lagi pun

HADIAH

golongan belia sedar tentang faedah-faedah yang terhad dari latihan yang disediakan, kerana latihan itu dijalankan dalam jangkamasa minggu dan bulan itu dianggap sebagai merugikan masa sahaja. Akhirnya apabila balik ke rancangan-rancangan proses-proses berikutnya tidak dapat dilaksanakan lantaran beberapa faktor terutama modal dan keyakinan diri. Akhirnya sedikit sebanyak ilmu yang diperolehi lenyap ditelan masa.

Aktiviti-Aktiviti Sosial Dan Ekonomi Generasi Kedua

Pembangunan masyarakat harus dilihat dari dua sudut iaitu pembangunan jasmani dan pembangunan rohani. Kedua-dua aspek pembangunan ini harus diselaraskan dan diseimbangkan. Kita tidak dapat menafikan bahawa kemajuan barat sedikit sebanyak meningkatkan pembangunan masyarakat, tetapi kita sedari dunia barat sedang menghadapi zaman keruntuhannya kerana tidak terdapat keseimbangan yang telah dinyatakan. Telah terbukti juga peradaban di zaman silam silih berganti runtuh dan terus musnah akibat dari pengabaian aspek kerohanian. Dengan itu pembangunan masyarakat harus ditekankan melalui dua aspek untuk menuju ke arah kemajuan di bidang sosial, agama, ekonomi, pelajaran, politik dan kesihatan. Untuk melaksanakan tiap-tiap bidang ini dengan berkesan perlu pula kepada perancangan yang lebih tersusun; penggunaan sumber dengan lebih cekap dan penglibatan tenaga manusia dengan lebih berkesan. Kita menyedari hakikat bahawa golongan belia adalah golongan yang produktif dalam pelaksanaan pembangunan. Di sebaliknya pula golongan belia juga yang mudah dipesongkan oleh anasir-anasir yang

merosakkan. Amat sesuai sekali generasi kedua yang terdiri dari kebanyakannya belia-belia memegang teguh cogankata "belia bertindak untuk kebenaran dan keadilan",¹⁾ sebagai langkah untuk memperjuangkan ke arah pembangunan masyarakat dan negara.

Dari bidang sosial didapati generasi kedua di rancangan FELDA keseluruhannya boleh dibanggakan. Hubungan dua hala antara generasi pertama dengan generasi kedua dalam menjayakan aktiviti-aktiviti sosial amat menggalakkan. Aktiviti-aktiviti sukan yang dijalankan hasil daripada penyediaan kemudahan dan galakan yang diberikan boleh dianggap berjaya. Penglibatan dalam aktiviti agama juga amat menggalakkan dari segi perkembangannya terutama di kalangan generasi kedua. Oleh kerana kaya dengan sikap dan sifat hormat-menghormati yang diwarisi dari generasi yang terdahulu, maka aspek pembangunan sosial tidak mempunyai halangan walau pun peneroka-peneroka datang dari berbagai daerah di Semenanjung Malaysia. Memang pada peringkat awal beberapa penyesuaian perlu dipelajari, tapi lama kelamaan proses-proses asimilasi dan integrasi telah berlaku. Dan hasilnya satu masyarakat FELDA di bawah satu pentadbiran telah wujud dengan kerjasama dari segenap lapisan masyarakat khususnya dalam kegiatan sosial. Ini tidaklah bermakna tidak wujud langsung masalah integrasi nilai-nilai hidup yang berbeza dari berbagai daerah. Kesulitan masih wujud, tetapi kebanyakan rancangan FELDA yang telah mengeluarkan hasil didapati penduduknya dapat menyesuaikan diri dengan suasana

1) Cogankata yang menjadi teras perjuangan Majlis Belia Malaysia.

di sekeliling.¹⁾

Apabila pembangunan ekonomi berkembang, teknologi baru telah memainkan peranannya, dan keluaran pertanian meningkat. Tapi dalam konteks keluaran pertanian begini tenaga kerja yang diperlukan semakin berkurangan. Buruh yang tidak mendapat peluang dalam sektor ini akan diperlukan dalam sektor lain seperti sektor pembuatan dan perdagangan, dan kemungkinan inilah yang merupakan faktor tarikan dan tolakan kepada tenaga kerja.²⁾ Dengan itu ramailah tenaga kerja yang meninggalkan sektor pertanian dan menuju ke bandar-bandar utama untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Keadaan ini memang berlaku di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia.

Hasil daripada temu-bual dengan pemimpin-pemimpin masyarakat FELDA dan pertemuan dengan Pengurus serta Pegawai-Pegawai didapati keadaan perpindahan tenaga buruh memang berlaku di rancangan-rancangan yang semakin menurun hasil keluarannya.

Didapati 38.4 peratus daripada generasi kedua dari golongan produktif menjalankan pekerjaan sebagai buruh di ladang-ladang atau di kilang-kilang FELDA.³⁾ 4.5 peratus

-
- 1) Kenyataan ini diperolehi melalui temu-bual yang diadakan oleh penyelidik dengan pegawai-pegawai di Institut Pembangunan Tanah FELDA (Input), Pengurus Rancangan Sungai Klah, Pegawai-Pegawai dari Rancangan Trolak, Lasah dan Sungai Buaya.
 - 2) Fryer, D.W., World Economic Development, University of Hawaii, 1965, m.s. 264.
 - 3) Addnan Din, Some Aspects of Social Change in Felda Settlement Communities in West Malaysia, M.A. Thesis, 1979, m.s. 43.